



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PELANCARAN MINGGU KESELAMATAN UBAT **#MedSafetyWeek 2022**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) telah melancarkan kempen tahunan [#MedSafetyWeek](#) kali ke-7 bermula 7 November 2022. Kempen ini akan berlangsung sehingga 13 November 2022 bertujuan untuk menggalakkan anggota kesihatan, syarikat farmaseutikal dan orang awam melaporkan kesan sampingan yang disyaki atau berkemungkinan disebabkan oleh ubat-ubatan dan vaksin, kepada NPRA. Kempen #MedSafetyWeek 2022 peringkat global ini diterajui oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan dimulakan serentak oleh badan-badan regulatori farmaseutikal di 82 buah negara lain.

Pemantauan keselamatan amat penting bagi memastikan ubat-ubatan dan vaksin yang telah berada di pasaran terus selamat untuk digunakan. Pemonitoran laporan kesan sampingan membantu meningkatkan pengetahuan sedia ada mengenai keselamatan ubat-ubatan dan vaksin serta membantu mengesan risiko keselamatan yang baharu. Dengan cara ini langkah-langkah bersesuaian termasuk sebarang tindakan regulatori dapat diambil untuk melindungi pengguna lain daripada risiko tersebut di masa akan datang.

Di Malaysia, semua laporan kesan sampingan ubat-ubatan dan vaksin dikumpul melalui pemantauan pasif menggunakan **Sistem Pelaporan Kesan Advers NPRA**.

CARA MELAPORKAN KESAN SAMPINGAN UBAT DAN VAKSIN

Anggota kesihatan dan pengguna dinasihatkan untuk melaporkan kesan sampingan ubat dan vaksin melalui saluran yang telah disediakan.

Anggota kesihatan boleh melaporkan kesan sampingan melalui laman sesawang NPRA (www.npra.gov.my) [[Health Professionals](#) > [Reporting ADR / AEFI](#)] atau melalui Sistem Maklumat Farmasi Hospital (*Pharmacy Hospital Information System*, PhIS) bagi fasiliti KKM. Borang tersebut juga boleh dicetak untuk diisi secara manual dan dihantar melalui e-mel ke fv@npra.gov.my atau dipos ke NPRA.

Pengguna yang mengalami kesan sampingan boleh memaklumkan kepada anggota kesihatan untuk membuat pelaporan bagi pihak mereka. Selain itu, laporan juga boleh dibuat oleh pengguna sendiri secara atas talian dengan mengisi borang pelaporan untuk pengguna, iaitu Consumer Side Effect Reporting Form (ConSERF) yang boleh diakses di laman sesawang NPRA (www.npra.gov.my) [[Consumers](#) > [Reporting Side Effects to Medicines \(ConSERF\) or Vaccines \(AEFI\)](#)]. Pengguna juga boleh mencetak borang tersebut untuk diisi, dan dihantar melalui e-mel (fv@npra.gov.my) atau pos ke NPRA. Namun, pengguna digalakkan untuk berbincang dengan anggota kesihatan tentang kesan sampingan yang dialami sebelum membuat laporan.

NORHALIZA BINTI A HALIM

PENGARAH KANAN PERKHIDMATAN FARMASI

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

7 NOVEMBER 2022